


FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

ZARINA BTE OTHMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 92

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG.

oleh

ZARINA BTE OTHMAN

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyelia

30 Mac. 1992

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

30 Mac 1992

Tarikh

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

OLEH

ZARINA BTE OTHMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1992

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

31 Mac. 1992.

Tarikh



ZARINA BTE OTHMAN

(Tandatangan dan Nama Calun)

PENGHARGAAN

Syukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayatnya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Di ruang ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Drs. Lokman Md. Zen selaku Penyelia yang telah banyak membimbing dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Tuan Hj Muhammad Tainu, Pengarah Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Datuk Johan Razali Khalid kerana telah banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada keluarga dan suami saya Encik Zainal Abidin Ramli yang banyak berkorban dan membantu hingga Latihan Ilmiah ini selesai dan tidak lupa juga kepada Encik Md Noor Dame yang telah menaip Latihan Ilmiah ini dengan sabar hingga sempurna.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

SINOPSIS

Kajian ini adalah meliputi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Bab I merupakan pengenalan dalam sistem Adat Perpatih yang meliputi kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Di samping menerangkan hubungan antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan serta asal-usul Adat Perpatih. Di dalam Bab II diterangkan tentang dasar pemerintahan Adat Perpatih yang diamalkan di empat buah luak. Juga menerangkan organisasi Lembaga Adat Perpatih serta menunjukkan sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin-pemimpin adat. Bab III khusus menerangkan Sistem Undang di Luak Sungai Ujong. Ini termasuk cara pemilihan dan perlantikan Undang, bagaimana gelaran Datuk Kelana Putera itu didapati dan menerangkan fungsi serta ketetapan Undang pada masa dahulu dan masa kini. Bab IV pula lebih menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem perundangan dan maksud serta tujuan diadakan Undang-undang Adat di Sungai Ujong. Manalaka Bab V menerangkan mengapa dan bagaimana krisis pemilihan dan pelantikan Undang Luak Sungai Ujong itu berlaku, sehingga sukar untuk menyelesaikan dan sukar untuk memilih bakal-bakal calon Undang Luak Sungai Ujong. Di samping itu penulis juga ada melahirkan beberapa cadangan yang mungkin boleh dibuat panduan untuk generasi-generasi akan datang. Akhir sekali merupakan kesimpulan tentang kekecuaan dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi

PENDAHULUAN

0.1	LATAR BELAKANG	ix
0.2	MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN	xiii
0.3	KEGUNAAN KAJIAN	xiii
0.4	METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN	xiv
0.5	SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA	xv
0.6	LOKASI KAJIAN	xv

BAB I : PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT DI MINANGKABAU	4
1.1.1	Adat Nan Sabana Adat	5
1.1.2	Adat Nan Diadatkan	6
1.1.3	Adat Nan Teradat	7
1.1.4	Adat Istiadat	8
1.2	ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU	9

1.3	HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN ...	12
1.4	ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN	18
1.5	SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH	23
1.6	SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH	31
1.6.1	Keluarga Sedarah Senisab Ibu	32
1.6.2	Keluarga Sekedim	34
1.6.3	Keluarga Sedarah Sebelah Bapa	36
1.6.4	Keluarga Semenda	36
 BAB II : SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH		
2.1	DASAR PEMERINTAHAN ADAT	40
2.2	STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH	42
2.2.1	Luak Sungai Ujong	43
2.2.2	Luak Jelebu	47
2.2.3	Luak Rembau	50
2.2.4	Luak Johol	51
2.3	PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG	53
2.4	TUGAS-TUGAS PEMIMPIN	59
2.5	SIFAT-SIFAT PEMIMPIN	61
2.5.1	Ekonomi	62
2.5.2	Kesihatan Badan	62
2.5.3	Budi	63
2.5.4	Akal	65
2.6	JENIS-JENIS PEMIMPIN	66
 BAB III : UNDANG SUNGAI UJONG		
3.1	SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG	70
3.2	GELARAN DATUK KLANA PUTERA	72

3.3	WARIS UNDANG SUNGAI UJONG	74
3.4	CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA	80
3.5	FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG	82
3.6	FUNGSI UNDANG MASAKINI	89
 BAB IV : PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG		
4.1	MAKSUD DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG	93
4.2	FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG	102
4.2.1	Politik	103
4.2.1	Ekonomi	105
4.2.3	Pendidikan	106
4.3	PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT	107
 BAB V : PENUTUP		
5.1	KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN UNDANG SUNGAI UJONG	117
5.2	CADANGAN	124
5.3	KESIMPULAN	130
GLOSARI		133
BIBLIOGRAFI		134

PENDAHULUAN

0.1 LATARBELAKANG

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, Adat itu adalah peraturan hidup di dalam dunia. Seperti kata perbilangan,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan Adat ialah untuk kebaikan. Adat dapat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Menurut Hazairin,

"Adat adalah renapan kesusilaan dalam masyarakat"

(Abdullah Sidik, 1975)

Peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dibahagikan kepada dua:

1. Fundamental
2. Tidak Fundamental

Fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan, seperti yang terkandung di dalam perbilangan Adat,

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung

Kalau panjang minta dikerat

Kalau koyak minta ditampal

Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental pula ialah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan Syara'. Kata perbilangan,

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Syara'

Syara' mengata Adat menurut

(Ab. Samad Idris, 1987 : 2)

Sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di tanah Minangkabau, berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahan.

Ditinjau dari segi keturunan atau segi kekeluargaan, masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang utiliteral atau unilineal dan yang matrilineal. Dengan dasar masyarakat utiliteral-matrilineal maka timbullah sistem bersuku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih ini, suku-suku ini ialah,

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Tiga Batu

5. Suku Sri Lemak
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Paya Kumbuh
8. Suku Mungkal
9. Suku Batu Belang
10. Suku Tiga Nenek
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Menurut Prof. M.A. Hanafiah mengenai pengertian suku di Minangkabau seperti berikut:

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anak, anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah satuande atau semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara lelaki dari siibu umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuan itu adalah kemanakannya dan oleh anak itu dipanggil mamak".

Sistem politik Adat Perpatih juga teguh dengan amalan demokrasi yang teratur. Pemerintahan yang pertama sekali terletak dalam tangan mamak, kemudian ketua perut (buapak), kemudian ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (Undang) dan ahkir sekali ketua negeri (Yang Di Pertuan Negeri).

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik

oleh Lembaga, Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang. Ini ada dicatat di dalam perbilangan adat:

Raja menobat dalam alamnya

Undang menobat dalam luaknya

Lembaga menobat dalam lingkungannya

Buapak menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat dalam terataknya

Jadi sistem pemerintahan menurut konsep am Adat Perpatih adalah sistem demokrasi. Menurut R.J Wilkinson mengenai Adat Perpatih sebagai satu adat yang demokrasi seperti berikut:

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R. J Wilkinson, 1908 : Hal. 7)

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Di Pertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yam Tuan. Dalam perbilangan adat, Baginda disifatkan sebagai keadilan menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesaian dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat. Peranan ini jarang sekali Baginda ialah sebagai lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja.

Diantara luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan ada empat luak yang dianggap utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelevu, Luak Johol dan Luak Rembau. Ketua bagi tiap-tiap luak ini digelar Undang. Di dalam tiap-tiap Luak ini ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau penghulu daripada anggotanya. Umumnya suku istimewa ini ialah suku Biduanda. Ketua suku ialah lembaga segala hal ehwal suku adalah dalam lingkungan jagaannya.

0.2 MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN

Adapun maksud dan tujuan kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui amalan Adat Perpatih ini dengan lebih mendalam lagi.
2. Untuk mengetahui apakah amalan fungsi Undang ini masih diamalkan hingga sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauhmana fungsi Undang ini difahami oleh masyarakat Adat Perpatih.

0.3 KEGUNAAN KAJIAN

Bermula dengan maksud dan tujuan kajian, maka kegunaan kajian ini adalah:

1. Untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat dengan Adat Perpatih. Ini dapat membantu dan memberi panduan kepada generasi baru.

2. Untuk mendapatkan fungsi sebenar pemimpin-pemimpin adat agar nanti boleh dijadikan rujukkan.
3. Untuk menerangkan kepada masyarakat luar tentang kekeliruan dan anggapan-anggapan mereka yang tidak menyenangkan terhadap Adat Perpatih ini.

0.4 METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN

Di sini method kajian dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Melalui temubual (wawancara)
2. Melalui pemerhatian
3. Melalui pembacaan

Wawancara dibuat dengan individu yang terlibat secara langsung di dalam struktur adat, iaitu berhubung langsung dengan dato'-dato' adat. Di samping itu menemubual beberapa orang yang tahu selok belok Adat ini.

Melalui pembacaan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan dan pembacaan berkisar dari majalah yang berbentuk budaya.

0.5 SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA

Sumber data dan pengumpulan data didapati:

I. Perpustakaan

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang, U.K.M
2. Perpustakaan Institut Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, U.K.M
3. Perpustakaan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban
4. Perpustakaan Awam Hulu Langat, Kajang

II. Maklumat dari Bahagian Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan

0.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dibuat khusus di dalam Luak Sungai Ujong disamping Luak-luak lain secara am.

Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tua pada yang menang
Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit
Ibu adat ialah muafakat
Tak ada keruh yang tak jernih
Tak ada kusut yang tak selesai
Asal saja bersetuju
Jumpa benar jangan disiaahkan

BAB I

PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0 PENDAHULUAN

Istilah negeri yang ada pada nama-nama penempatan yang menganggotai persekutuan sembilan buah negeri itu pada asalnya tidak membawa konsep negeri seperti yang kita maklumi sekarang ini. Ia sebenarnya berasal dari kata Minangkabau iaitu nagari.

Di Minangkabau sebelum sesuatu penempatan itu menjadi nagari ia harus melalui satu proses metamorphosis (Kato, 1982 : 75). Proses ini bermula dengan bentuk permukiman bagi masyarakat Minangkabau disebut sebagai teratak. Daerah ini merupakan suatu tempat di tengah-tengah padang atau hutan, yang masih belum mempunyai tempat tinggal yang berupa bangunan, tetapi masyarakat sudah mengenali kehidupan berladang dan pemimpinnya bergelar Tua Teratak.

Perluasan dari teratak-teratak terbentuk pula permukiman yang lebih luas dikenali sebagai dusun. Pada permukiman di dusun masyarakat tradisional Minangkabau mengenali cara berladang dan bersawah. Namun konsep dusun dapat dibahagi kepada dua kategori yakni hutan rendah dan hutan tinggi.

Pada konsep hutan rendah merupakan tanaman yang menerima air yang banyak dan dapat dibuat sawah dan konsep hutan tinggi pula adalah tanah-tanah yang tidak dapat air yang banyak namun tanah digarap untuk perladangan dan tidak untuk sawah. Di dusun selalu dipimpin oleh seorang laki-laki yang arif dan bijaksana dipilih dari keturunan ibu, untuk mewakili beberapa buah rumah yang digelar tungganai atau mamak rumah.

Namun setelah pengelompokan ini menjadi besar maka terbentuk pula koto, ada versi mengatakan kampung. Pada perkumpulan masyarakat di kota dalam bidang pertanian mereka menanam tumbuh-tumbuhan yang sempurna dan pada tingkat koto masyarakat Minangkabau dikenal sebagai masyarakat pengumpul makanan.

Pada perkembangan koto, maka baru terbentuk Nagari yang mempunyai batas wilayah dan tujuan politik lengkap dengan sistem pengendalian kelompok (Kato 1982 : 41). Di nagari masyarakat Minangkabau mengenali pula hidup secara teratur, dikenali undang-undang dan susunan masyarakat yang terinci diakui oleh adat dan pada struktur nagari pula terdapat rumah-rumah adat sesuai dengan sistem adat yang dianuti.

Perkataan sembilan yang terdapat di hujung Negeri Sembilan menunjukkan ada sembilan negeri yang menjadi rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Nama Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri adalah berasaskan kepada

gabungan sembilan buah negeri atau kawasan yang luas yang mempunyai pembesar-pembesar sendiri.

Pada asalnya Negeri Sembilan ini terdiri daripada Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelebu, Johor, Kelang, Jelai, Ulu Pahang dan Segamat tetapi Kelang kemudian telah diberikan kepada Selangor, Jelai dan Ulu Pahang diberi kepada Pahang sementara Segamat diberikan kepada Johor.

Kawasan Negeri Sembilan kemudiannya terdiri daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, Ulu Muar, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Jempul. Ahli-ahli sejarah membahagikan sejarah awal Negeri Sembilan kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal apabila negeri itu dibahagikan kepada empat negeri atau luak yang termasuk Sungai Ujong, Kelang, Jelebu dan Johor. Peringkat kedua iaitu jangkamasa pertengahan apabila keempat-empat buah negeri atau luak yang diperintah oleh orang Minangkabau tetapi di bawah takluk Johor, dan peringkat ketiga iaitu jangkawaktu moden yang membawa penyatuan kepada keempat-empat luak itu dan menjadi sebuah negeri berperlembagaan di bawah perintah Yang Di Pertuan. Pada masa kini Negeri sembilan dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran iaitu Sungai Ujong (Seremban), Tampin, Johol, Jelebu, Rembau dan Kuala Pilah (Zakiah Hanum, 1988 : 37).

Sungai Ujong adalah sebuah daerah yang terbesar di antara kumpulan daerah-daerah tersebut. Sungai Ujong mendapat namanya adalah dari perkataan Hujung Sungai. Ini kerana tempat asal yang dinamakan Sungai Ujong itu adalah

punca atau hujung dari beberapa batang sungai yang ada kaitan rapat dengan cerita-cerita sejarah Sungai Ujong seperti Sungai Beranang, Sungai Pajam, Sungai Batang Benar dan Sungai Linggi. Semua hujung sungai ini berpunca dari dari satu kawasan yang boleh dianggap kawasan asal yang dipanggil Sungai Ujong (Ab Samad Idris, 1968 : 54).

Masyarakat Negeri Sembilan terkenal dengan Adat Perpatih. Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini telah dibawa oleh orang-orang Minangkabau dan masyarakat Negeri Sembilan masih menggunakan adat Perpatih ini di dalam kehidup mereka.

1.1 BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT MINANGKABAU

Adat bagi orang Minangkabau adalah sebahagian dari jiwa mereka. Tiap-tiap perbuatan yang dipandang baik oleh masyarakat Minang perlu disertai dengan kata-kata adat. Faktor-faktor ini meliputi hidup mereka sehari-hari seperti berkata ada adatnya, duduk tegak beradat, berjalan beradat, makan minum beradat, jamuan yang terhormat adalah jamuan adat dan Rumah Gadang Beranjung adalah rumah adat.

Adat boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu:

1. Adat Nan Sabana Adat
2. Adat Nan Diadatkan
3. Adat Nan Teradat
4. Adat Istiadat

1.1.1 Adat Nan Sabana Adat

Adat Nan Sabana Adat ialah suatu peraturan yang seharusnya menurut alur dan patut, seharusnya menurut agama Islam (Syarak), menurut perikemanusiaan, adil dan beradab serta menurut tempat dan masa. Adat Minangkabau menfatwakan hal ini seperti:

Pada yang sakit dilekatkan obat

pada yang benar lekatkan alur

pada air lepaskan tuba

pada garis memahat

pada yang diukur dikerat

pada rangkanya lekatkan permata

Bulat air oleh pembuluh

bulat kata oleh muafakat

bulat jantung oleh kelopak

bulat segolong

leper selajang

(Nasroen, 1971 : 64).

Adat Nan Sabana Adat ini merupakan Undang-undang Dasar Adat Minangkabau yang tidak boleh diubah. Perkara yang termasuk di dalam adat yang sabana adat ini ialah:

- i. Salasilah keturunan menurut jalur garis ibu yang lazim disebut garis keturunan matrilineal.
- ii. Harta pesaka yang turun temurun menurut garis ibu dan menjadi milik bersama sejurai yang tidak

boleh diperjual belikan.

- iii. Falsafah alam berkembang jadi guru dijadikan landasan utama pendidikan ilmiah dan rasional di samping menolak pendidikan mistik dan irrasional.

(Amir M.S, 1987 : 21).

1.1.2 Adat Nan Diadatkan

Adat Nan Diadatkan ini ialah peraturan setempat yang telah diambil dengan kata muafakat, ataupun kebiasaan yang sudah berlaku dalam sebuah negeri. Perubahan atas peraturan setempat ini hanya dapat dilakukan dengan permuafakatan antara pihak-pihak yang terlibat dengan peraturan itu seperti kata perbilangan,

Nan elok dipakai jo muafakat

Nan buruak dibuang jo hetongan

Adat abih dek bakarelahan

(Amir M.S, 1987 : 22).

Peraturan yang disusun di dalam Adat Nan Diadatkan ini adalah untuk mengatur masyarakat di dalam segala bidang terutama di dalam kehidupan sosial, dalam pergaulan, dalam bidang ekonomi, politik dan sebagainya. Peraturan-peraturan ini digunakan sehingga menjadi peraturan yang diadatkan sehingga sekarang.

Tegasnya Adat Nan Diadatkan ini merujuk kepada sesuatu yang berdasarkan konsep muafakat dan budi. Dalam hidup bermasyarakat konsep tersebut menjadi landasan dalam menentukan, memutuskan dan menghukum. Nilai-nilai kolektif ini menjadi penentu kualiti tingkahlaku individu dan masyarakat untuk menjalin perpaduan dan keamanan.

1.1.3 Adat Nan Teradat

Adat Nan Teradat adalah kebiasaan seseorang dalam kehidupan masyarakat yang boleh ditambah atau dikurangi malah boleh ditinggalkan selagi tidak menyalahi landasan berfikir.

Sebenarnya Adat Nan Teradat ini berhubung dengan tingkahlaku dan kebiasaan peribadi seseorang, seperti cara berpakaian, makan minum dan sebagainya (Amir M.S, 1987 : 22).

Tujuan Adat Nan Teradat ini adalah membimbing masyarakat dalam segala kegiatan bagi mencapai tujuan baik di dalam masyarakat. Di dalam konteks ini mungkin timbul perbezaan sedikit sebanyak di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain, kerana ini mengikut sesuai atau tidaknya. dengan tempat tersebut. Bagaimanapun asas aturan-aturan ini tidak terkeluar dari kehendak-kehendak adat yang diadatkan yang merupakan teras di adalam hukum-hukum peraturan adat perpatih. Oleh kerana itulah didapati perbilangan yang ada menunjukkan hal ini iaitu:

Adat sepanjang jalan

Bercupak sepanjang betung

Lain lubuk lain ikan

Lain padang lain belalang

Lain negeri lain adatnya

Dengan kata lain Adat Nan Teradat ialah kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat. Adat ini terjadi dengan sendirinya tidak terbit dari satu muafakat tetapi adalah kerana kelaziman. Misalnya dalam perlakuan sehari-hari orang muda mestilah menghormati orang yang lebih tua darinya.

1.1.4 Adat Istiadat

Adat Istiadat ialah adat dalam pengertian upacara atau tatatertib yang berlaku dalam satu-satu upacara. Biasanya perlakuan ini berbentuk upacara-upacara yang menggambarkan sesuatu kepercayaan. Adat Istiadat itu adalah menurut keputusan dan resam yang dipakai dalam perkara-perkara yang berhubung dengan adat istiadat seperti nikah kahwin.

Dalam upacara nikah kahwin banyak terdapat adat istiadatnya seperti:

1. Adat Istiadat Meminang
2. Adat Istiadat Pertunangan
3. Adat Istiadat Nikah
4. Adat Istiadat Persandingan
5. Adat Istiadat Berinai Kecil dan Besar

6. Adat Istiadat Menyembah
7. Adat Istiadat Bersiram

Oleh itu boleh dikatakan bahawa setiap upacara yang berlangsung di hari perkahwinan itu merupakan Adat Istiadat. Setiap acara disusuli dengan cara beradat istiadat, malah di dalam Adat Istiadat ini ada ketua-ketuanya yang akan menyempurnakannya.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa pengertian adat di dalam Adat Minangkabau mencerminkan dan membuktikan bahawa adat itu berkembang. Pembahagian adat itu adalah sangat penting untuk mengetahui bahagian adat mana yang boleh diertikan sebagai hukum adat. Ini kerana adat itu meliputi segala lapangan hidup. Adat sebagai peraturan cara hidup sesuatu masyarakat di mana berkembang mengikuti perkembangan masyarakat itu sendiri dan masyarakat berkembang mengikut keadaan sekelilingnya.

1.2 ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU

Tambo menyebutkan bahawa pemerintahan di Minangkabau menganut dua sistem, iaitu Koto Piliang dan Bodi Caniago. Sistem Koto Piliang digagaskan oleh Datuk Ketemenggungan, sistem yang lain pula oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang. Kedua-dua beradik ini mempunyai ibu yang sama tetapi berlainan ayah. Ayah Datuk Ketemenggungan, seorang raja yang bergelar Sri Maharaja DiRaja. Manakala Datuk Perpatih Nan Sebatang, ayahnya pembantu utama raja yang bernama Cati

Bilang Pandai (A.A. Navis, 1984 : 54).

Kedua-dua beradik ini sejak kecil lagi telah digambarkan selalu berkelahi, hinggakan waktu dewasa juga mereka selalu bertentangan dalam menentukan sistem pemerintahan. Datuk Ketemenggungan lebih mengutamakan cara pemerintahan dari atas iaitu lebih suka memerintah dengan bertitah, manakala Datuk Perpatih pula amat mementingkan cara pemerintahan dari bawah iaitu beliau lebih rela memerintah dengan cara berunding (Abdul Rahman, 1964 : 24).

Apabila menentukan pemerintahan, kedua-dua beradik ini selalu bercanggah pendapat. Datuk Ketemenggungan mempunyai sikap degil yang tidak mahu merubah segala keputusan. Pertengkaran berlaku apabila Datuk Perpatih ingin mengubah saksi hukum yang dikenali sebagai "Tarik balas", iaitu hukuman bunuh bagi yang membunuh, dan dilukai bagi yang melukai. Datuk Ketemenggungan tidak mahu menerima pendapat Datuk Perpatih itu. Oleh kerana berkecil hati Datuk Perpatih pergi merantau (A.A. Navis, 1984 : 55).

Datuk Perpatih membawa diri dan merantau, pelayaran Datuk Perpatih bukan sahaja setakat mengelilingi Selat Melaka bahkan sampai ke Ceylon (Sri Lanka), Burma, Siam dan Negeri China. Di Negeri China beliau tertarik hati melihat penduduk-penduduknya yang berkelompok-kelompok dan berpuak-puak diperintah oleh seorang ketua. Tiap-tiap ketua itu dengan sendirinya menjadi wakil kepada ahli-ahlinya dan duduk di dalam Mesyuarat DiRaja. Masing-masing puak itu diberi

nama mengikut keturunan seperti puak Lim, puak Lee dan puak Tan. Mereka tidak dibenarkan kahwin sepuak. Susunan dan peraturan masyarakat ini serba sedikit dipelajarinya. Peraturan-peraturan yang baik dan sesuai digunakannya semasa beliau menyusun adat dilaras Bodi Caniago (Md Sharif, 1974 : 8).

Apabila kembali ke tanah asalnya di Padang Panjang, abangnya Datuk Ketemenggungan didapati telah diberi memerintah wilayah bahagian kota yang diberi nama Laras Koto Piliang iaitu laras yang berlembagakan Adat Pilihan dari Adat Pagaruyung yang di bawah pemerintahan Aditiawarman.

Datuk Perpatih pula diberi memerintah di Laras Bodi Caniago. Datuk Perpatih menyusun adat di laras itu serta ditokok tambah dengan apa yang baik yang didapatinya semasa beliau merantau. Tiap-tiap adat yang hendak dibuat berunding dan bermuafakatlah beliau dengan ketua tiap-tiap suku di dalam laras. Apabila telah dapat kebulatan muafakat barulah sesuatu adat itu ditetapkan (Md Sharif, 1974 : 9).

Setelah Negeri Minangkabau itu dibahagi dua iaitu Koto Piliang dan Bodi Caniago maka Datuk Ketemenggungan berkuasalah di bahagian pesisir dan Datuk Perpatih berkuasa di sebelah darat. Bertolak dari sinilah pemerintahan Datuk Ketemenggungan dikenali dengan Adat Temenggung dan pemerintahan Datuk Perpatih Nan Sebatang pula dikenali sebagai Adat Perpatih.

Sistem pemerintahan yang disusun oleh Datuk Ketemenggungan berpusat di Istana berdaulat kepada Yang Di Pertuan dengan semboyan "Titik Dari Atas" sedangkan sistem Datuk Perpatih berdasarkan negeri berdaulat kepada rakyat dengan semboyan "Membusut Dari Bawah".

Dari sini timbullah dua pelarasan di Minangkabau iaitu pelarasan Koto Piliang dengan dijunjung adatnya oleh Datuk Ketemenggungan yang bersifat "Autokratik" dan pelarasan Bodi Caniago dengan dijunjung adatnya oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang berfahaman "Demokrasi". Di dalam tombo dikiaskan,

Baragieh-agieh indak bacarai

(Maksudnya, beragih-agih tidak bercerai)

Tidak bercerai kerana sungguhpun pelarasan ada dua tetapi tidak membawa perubahan terhadap dasar adat (M. Rasjid Manggis, 1971 : 114).

1.3 HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN

Tarikh awal kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan masih tidak dapat ditentukan. Walaupun begitu terdapat beberapa orang sarjana telah memberi pendapat mereka mengenai tarikh kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan.

Mengikut pendapat Marsden penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu berlaku dengan terbukanya Temasik. Marsden menganggap bahawa Sri Tri Buana

yang membuka Temasik pada abad ke 12 merupakan seorang pembesar dari Minangkabau (Marsden, 1966 : 333).

Penghijrahan orang-orang Minangkabau pada masa itu hanya terhad di Temasik sahaja, malah mereka masih belum sampai ke kawasan Semenanjung, khususnya Negeri Sembilan. Mengikut pendapat Wilkinson, yang berpandukan teks Sejarah Melayu, beliau telah membuat perbandingan di antara data-data dari cerita lisan yang ada dengan bahan bertulis setempat, khususnya Sejarah Melayu dan laporan penulis Portugis serta Belanda mengenai wilayah-wilayah di pedalaman Melaka (Wilkinson, 1911 : 1-4).

Hasil dari penulisannya yang kritikal ini Wilkinson telah berpendapat bahawa migrasi orang Minangkabau yang pertama ke Negeri Sembilan berlaku dalam abad ke 16 iaitu selepas jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ketangan Portugis dalam tahun 1511 (Wilkinson, 1911 : 12).

Disamping pendapat-pendapat dari sarjana barat terdapat juga pendapat dari sarjana tempatan seperti Shahba. Menurut Shahba di dalam bukunya Pusaka Naning,

Pada kurun yang ke 16 itulah masanya orang-orang Minangkabau yang mula-mula datang membuka tanah Naning itu. Pada masa itu Naning termasuk di dalam hitungan Negeri Sembilan yang asli.

(Shahba, 1951 : 17)

Menurut Shahba di dalam bukunya yang lain iaitu Pahlawan Dol Said Naning. Beliau telah memberi satu tarikh baru tentang kedatangan Datuk Perpatih seperti katanya,

..... Nama Naning telah diberi oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang iaitu tatkala beliau menumpu datang ke daerah itu dalam tahun 1377.....

(Shahba, 1956 : 7)

Selanjutnya di dalam penulisan yang sama Shahba menyatakan bahawa lain-lain negeri yang menjadi rantau Minangkabau telah dibuka pada abad ke 16. Seperti di dalam petikan,

Pada kurun yang ke 16 iaitu setelah orang-orang Minangkabau yang di Naning itu selalu berulang alik membawa hasil yang didapati mereka dari Naning dibawa masuk ke Minangkabau pada masa itu. Orang-orang Minangkabau telah mengetahui bahawa Tanah Melayu ini banyak boleh didapati hasil-hasil penghidupan dari buminya maka orang-orang Minangkabau telah datang beramai-ramai dan berpasuk-pasukan. Setelah pasukan-pasukan itu sampai ke Naning ada yang pergi ke Segamat, Ulu Muar, Johol, Rembau, Sungai Ujong, Jelebu, Kelang, Ulu Pahang Jempul dan Serting Jelai, semakin lama semakin biak pengaruhnya

(Shahba, 1956 : 13)

Dengan kenyataan ini Shahba secara tidak langsung menyatakan bahawa Naning telah dahulu dibuka dan rantau-rantau Minangkabau yang lainnya dibuka kemudian iaitu pada abad ke 16.

Dari pendapat-pendapat di atas boleh dibuat kesimpulan bahawa para sarjana belum mencapai kata sepakat tentang penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun berpandukan kepada pendapat-pendapat tersebut mungkin boleh dikatakan bahawa penghijrahan keluar orang Minangkabau ini telah bermula dari abad ke 11 dan awal abad ke 12, tetapi mereka ini tidak mungkin sampai ke wilayah Negeri Sembilan. Penghijrahan mereka ke wilayah Negeri Sembilan mengikut Shahba mungkin bermula di antara abad ke 14 dan abad ke 16.

Hubungan sejarah ikatan darah dari tali temali kebudayaan antara Negeri Sembilan dengan Minangkabau umumnya kerajaan Pagaruyung dan Minangkabau khususnya adalah amat erat sekali.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu adalah bermula di Melaka. Melaka yang terkenal sebagai pusat perdagangan pada zaman itu telah didatangi oleh orang-orang Minangkabau yang datang berdagang dan kemudian menetap di sana. Menurut Winstedt, migrasi orang Minangkabau menyeberangi Selat Melaka telah bermula dalam abad ke 15, dan Wilkinson menyatakan dalam abad ke 16 (Mochtar Naim, 1979 : 69).

Bermula dari Melaka orang-orang Minangkabau telah menduduki daerah pendalaman termasuk Naning, Rembau dan Sungai Ujong seterusnya Jelebu, Kelang, Inas, Pasir Besar, Segamat dan Jelai. Seratus dua puluh tahun lamanya proses ini berlangsung dan imigran-imigran Minangkabau ini terus datang dan menetap di negeri-negeri tersebut.

Perkampungan-perkampungan orang Minangkabau boleh dijumpai apabila keluar dari Kuala Lumpur menuju ke Negeri Sembilan. Permukiman Hulu Langat, Cheras, Ulu Semenyih, Semenyih dan Beranang ramai penduduknya terdiri dari orang Sumatera Barat. Di daerah ini mereka menjadi petani tetapi ada juga yang menjadi peniaga dan berjaja secara kecil-kecilan (Mochtar Naim, 1979 : 149).

Negeri Sembilan semasa kedatangan orang-orang Minangkabau hanyalah berupa kampung-kampung yang diperintah oleh datuk-datuk yang menerima pengakuan dari Yang Di Pertuan Sultan Johor. Kedatangan orang-orang Minangkabau ini membawa pengaruh mereka sendiri, mereka berkeinginan untuk menggantikan undang-undang Johor kepada hukum adat Minangkabau. Sementara itu Johor bertambah lemah dengan terbunuhnya Sultan Mahmud II. Kemudian digantikan oleh Bendaharanya tetapi diusir dan digantikan oleh Raja Kecil yang mengaku dari Siak, iaitu putera Sultan Mahmud II. Raja Kecil kemudian digulingkan oleh putera-putera Datuk Bendahara dengan bantuan Bugis. Negeri Sembilan akhirnya jatuh ketangan Bugis dan memaksa agar tunduk kepada penguasaannya.

Datuk-datuk yang memerintah di Negeri Sembilan menolak penguasaan Bugis tersebut dan memohon kepada Sultan Johor (Sultan Abdul Jalil IV) untuk mengizinkan mereka memilih putera mahkota mereka sendiri untuk memerintah Negeri Sembilan dan mengusir orang Bugis keluar. Sultan tidak dapat memberi mereka seorang Putera Mahkota untuk memerintah Negeri Sembilan oleh itu mereka meminta izin untuk menjemput seorang Putera Mahkota dari Minangkabau, hal ini dipersetujui oleh Sultan (Mochtar Naim, 1979 : 70).

Penghulu-penghulu Rembau, Sungai Ujong dan Naning telah menjemput Raja Ibrahim untuk memerintah Negeri Sembilan (Winstedt, 1934 : 59). kemunculan Raja Ibrahim telah memindahkan taat setia mereka daripada Johor kepada pemerintah yang datang dari Minangkabau itu. Sungguhpun begitu Raja Ibrahim tidak berkesempatan memerintah selanjutnya kerana pada tahun 1678 beliau telah mati terbunuh (Winstedt, 1934 : 54).

Keinginan untuk mendapat pemerintah ini tidak terhenti begitu sahaja. Penghulu-penghulu Rembau, Sungai Ujong, Johor, Naning dan Jelebu telah menjemput Raja Kasah pada tahun 1722. Beliau tidak dapat menjadi peneraju persatuan negeri-negeri tersebut dan telah dihantar kembali ke Sumatera. Pada tahun 1930an disusuli pula oleh Raja Adil dan Raja Khatib pada tahun 1772/3 tetapi kedua-duanya tidak diterima sebagai pemerintah oleh penghulu-penghulu di rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu (Winstedt, 1934 :

94). Akhirnya Raja Melewar telah dihantar sebagai Yang Di Pertuan Negeri Sembilan untuk mewakili Raja Alam di Minangkabau/Pagaruyung (Mansoes 1970 : 68). Pada tahun 1773 Raja Melewar pun ditabalkan sebagai Yang Di Pertuan Negeri Sembilan. Beliau ditabalkan di Penajis, Rembau, kemudian beliau berpindah ke Seri Menanti dan kekal bersemayam serta sebagai keadilan untuk penduduk Minangkabau.

1.1.4 ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini telah dibawa oleh orang-orang Minangkabau. Pada masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan adat adalah untuk kebaikan, adat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat.

Masyarakat Adat Perpatih mengamalkan sistem kekeluargaan sebelah ibu atau mengikut nasab ibu. Terdapat tiga peringkat dalam nasab ibu iaitu:

1. Sasuku
2. Saparuik
3. Sepayung

Suku ialah unit utama dari struktur sosial.

Perkataan suku itu bererti keluarga atau kaum.

Setiap suku mempunyai nama sukunya masing-masing dan dan satu-satu suku itu mempunyai ikatan kuat dan menganggap seperti adik beradik antara satu sama lain. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku yang biasa ditemui.

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Paya Kumbuh
4. Suku Mungkal
5. Suku Tiga Nenek
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Sri Lemak
8. Suku Batu Belang
9. Suku Tanah Datar
10. Suku Anak Aceh
11. Suku Anak Melaka
12. Suku Tiga Batu

Amalan hidup bersuku ini amat besar faedahnya bagi masyarakat dalam pergaulan hidup berkeluarga. Anggota satu-satu suku adalah dipercayai keturunan dari satu nenek moyang perempuan yang tidak dikenali. Faktor ini menyebabkan dua orang ahli suku tidak boleh berkahwin sama ada dalam atau luar negeri (Maruhua Batuah, 1954 : 75).

Amalan bersuku ini juga dapat memberi panduan di mana kampung halaman dahulu yang masih ditunggu oleh keluarga perempuan. Di samping itu adat bersuku ini dapat mengekalkan

kaum, sehingga dapat memurnikan hidup dengan berkasih-kasih, bertolong-tolongan, sebab orang yang sesuku itu bolehlah diibaratkan,

Sasakit sasanang

Samalu sasopan

dan

Adat bersaudara, saudara pertahankan

Adat berkampung, kampung pertahankan

Adat bersuku, suku pertahankan

Adat bernegeri, negeri pertahankan

atau boleh dikatakan seperti

Barek sapikua

Ringan sejinjiang

Ini bermakna sama-sama memikul atau menjinjing hina dan malu yang menjadi tanggungan sesuatu suku itu. (Rasjid Manggis, 1982 : 112).

Di samping itu tiap-tiap suku itu pula dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil yang dipanggil perut. Setiap perut dalam satu-satu suku itu mempunyai ketua masing-masing yang bergelar buapak. Buapak atau mamak bertanggung jawab tentang kelakuan, kebajikan dan kedamaian dalam perutnya (Kato, 1989 : 29). Pengertian mamak ialah saudara lelaki ibu. Mamak juga merupakan pemimpin. Oleh kerana itu pengertian mamak pada setiap lelaki yang lebih tua juga bererti pernyataan bahawa yang muda memandang yang lebih tua

menjadi pemimpin, seperti kata perbilangn,

Kemanakan berajo ka mamak

Mamak berajo ka penghulu

Penghulu berajo ka nan bana

bana badiri sandirinyo

(A.A. Navis, 1984 : 130)

Sapayung pula adalah perkumpulan anggota masyarakat yang tertakluk di bawah perlindungan seorang ketua yang bergelar penghulu (Kato, 1989 : 29). Satu-satu suku biasanya mengandungi lebih daripada satu payung. Jumlah sebenar payung yang terdapat dalam satu-satu suku bergantung kepada penambahan bilangan anggota suku dan peraturan-peraturan yang terdapat dalam satu-satu nagari (Kato, 1989 : 31). Rumah bagi anggota sepayung terletak berhampiran antara satu sama lain atau disatu tempat dalam satu-satu nagari.

Masyarakat adat perpatih ini sebenarnya tidak bebas dari susun lapis masyarakat. Terdapat dua kategori yang berkaitan menjadi asas susun lapis itu.

1. Keturunan penduduk asal berbeza dengan keturunan orang mendatang
2. Petugas-petugas adat berbeza dengan orang kebanyakan.

Kedua-dua susun lapis masyarakat ini sebenarnya berkait, kerana hanya keturunan penduduk asal sahaja yang boleh menjadi petugas-petugas adat (Kato, 1989 : 47).

Di dalam satu-satu suku keturunan penduduk asal bertaraf tinggi dari pendatang. Mengikut pandangan penduduk asal, kemanakan terbahagi kepada empat:

1. Kemanakan di bawah dagu - ia terdiri dari penduduk asal itu sendiri atau orang yang ada hubungan darah dengan penduduk asal itu.
2. Kemanakan di bawah dada - maksudnya kemanakan yang hubungannya adalah kerana sukunya sama tetapi penghuninya berlainan.
3. Kemanakan di bawah pusat - kemanakan yang hubungannya kerana sukunya sama tetapi berbeza negeri asalnya. Mereka ini diberi tanah untuk bertani dan untuk tapak rumah. Malah mereka mendapat hak yang sama terhadap harta-harta sebagaimana yang dirasakan oleh kemanakan di bawah dagu tetapi mereka tidak berhak menyandang jawatan sebagai penghulu.
4. Kemanakan di bawah lutut - maksudnya orang luar (datang) yang berbeza berbeza suku dan berbeza negeri tetapi meminta perlindungan di tempat itu (A.A. Navis, 1988 : 136). Mereka tidak berhak terhadap harta atau jawatan-jawatan adat.

Di sini terdapat beberapa perbezaan di antara kemanakan di bawah pusat, walaupun kemanakan di bawah pusat mendapat hak yang sama seperti kemanakan di bawah dagu tetapi

kemanakan di bawah dagu adalah tuan di dalam negeri mereka. Mereka mengawal tanah yang lebih luas dan yang lebih baik dari kemanakan di bawah pusat. Malah kadangkala kawasan tempat tinggal mereka dipisahkan antara satu sama lain (Kato, 1989 : 49).

1.5 SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH

Hukum adat ditakrifkan sebagai keseluruhan dari adat yang ternyata dalam "kerukunan" iaitu keseluruhan dari keputusan-keputusan dan aturan-aturan serta lembaga yang mengenai hubungan kemasyarakatan yang diikuti oleh masyarakat adat sebagai tata masyarakatnya (Abdullah Sidik, 1975 : 18).

Masyarakat hukum adalah kelompok manusia dari kalangan sesuatu bangsa yang tunduk dalam kesatuan hukum yang berlaku. Ini seperti masyarakat adat perpatih yang patuh dan tunduk dalam kesatuan hukum adat mereka.

Di dalam masyarakat hukum ini, tiap-tiap anggota masyarakat mestilah mengikut aturan-aturan yang ditetapkan, supaya keamanan dalam masyarakat terjamin. Seorang yang tidak menurut aturan tersebut tidak dan tahu adat mereka akan dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan pelanggaran adat itu (M. Rasjid Manggis, 1982 : 175).

Hukum adat berbeza dengan hukum yang lain, kerana hukum adat tidak tertulis tetapi berakar umbi di dalam hati. Walau bagaimanapun hukum-hukum adat ini banyak terkandung di

dalam perbilangan adat. Adalah malu apabila seseorang dikatakan tidak beradat bagi masyarakat hukum adat, malu seorang adalah malu bersama seperti kata perbilangan adat,

Suku indak buliah dianjak

Malu indak buliah diagiah

(M. Rasjid Manggis, 1982 : 177)

Di dalam masyarakat adat perpatih malu tidak boleh dibahagi, malu seorang malu semua, sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Mereka enggan mencari siapa yang salah siapa yang benar serta siapa yang kalah dan siapa yang menang. Kalah menang bagi mereka sama sahaja, mereka lebih suka kedua-dua pihak puas hati berjabat tangan seperti kata perbilangan adat,

Menang kecundang

Alah berundurkan

Seraya berjabat tangan

Hukum adat dalam adat perpatih meliputi kehidupan sosial mereka seperti:

1. Hukum Harta Pusaka
2. Hukum Tentang Keluarga Asas
3. Hukum Tentang Orang Semenda
4. Hukum Tentang Perkahwinan
5. Hukum Tentang Penceraian
6. Hukum Jenayah

Hukum Harta Pusaka

Harta pusaka terdiri dari empat jenis iaitu:

- i. Harta pusaka
- ii. Harta pembawa
- iii. Harta dapatan
- iv. Harta carian

Harta pusaka ialah harta kepunyaan sesuatu suku atau perut yang telah diwarisi turun temurun daripada ibu kepada anak perempuan dan seterusnya kepada keturunan anak perempuan.

Hukum bagi mewarisi harta pusaka ini diberikan kepada keturunan perempuan. Apabila ibunya meninggal harta pusaka ini akan diwarisi kepada anak perempuan mereka, jika tiada anak perempuan diwariskan kepada keluarga perempuan yang sekedim. Harta pusaka tidak boleh dijual dan digadaikan, jika berlaku juga akan diletakan berbagai rintangannya seperti kata perbilangan,

Sah batal pada sekedim

Kata bercari pada warisnya

Tinggal waris menongkat

Tinggal sekedim melintang

Tinggal harta bertuan tak jadi

Tinggal tua batal

Harta pembawa pula adalah harta dari pihak lelaki. Harta-harta ini termasuklah harta carian semasa bujang, harta

yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelaki dan harta bahagiannya hasil pembahagian harta carian.

Harta pembawa ini biasanya akan dipulangkan kepada waris apabila pemilik harta ini meninggal dunia (Nordin Selat, 1982 : 117).

Harta dapatan ialah harta kepunyaan perempuan yang diwarisinya dari harta pusaka. Harta dapatan ini termasuklah harta carian dan harta yang didapatinya waktu bercerai. Harta ini akan diwarisi oleh anak perempuannya jika ia meninggal dunia.

Harta carian ialah harta carian suami isteri. Di samping segala tokok tambah harta pembawa dan harta dapatan waktu berkahwin dikira sebagai harta carian. Pembahagian harta carian suami isteri ini adalah seperti berikut:

Jika isteri atau suami meninggal tanpa keturunan, semuanya diwarisi pada yang tinggal.

Jika suami yang meninggal dan ada anak, harta jatuh pada isteri dan anak-anak.

Jika isteri meninggal dan punya anak, harta akan dibahagi antara suami dengan anak-anak. Di dalam pembahagian harta ini kata perbilangan adat menyatakan:

Pembawa kembali

Dapatan tinggal

Carian bahagi

Mati laki tinggal ke bini

Mati bini tinggal ke laki

Hukum Tentang Keluarga Asas

Anak-anak akan dipelihara dengan tunjuk ajar semenjak dilahirkan sehingga dewasa. Bila anak telah berumur enam tahun sama ada lelaki atau perempuan akan dihantar mengaji Al-Quran. Cara ini akan menghindarkan anak-anak itu nanti dari membuat kerja-kerja yang tidak berfaedah.

Apabila anak-anak itu telah meningkat remaja, jika perempuan diajar menjahit dan mengayam. Manakala yang lelaki bila remaja akan diajar ilmu mempertahankan diri seperti kata perbilangan:

Dapat tikar sehelai bantal sebuah

Sukalah emak dengan bapanya

Bagi laki-laki diserahkan mengaji

Dapat ayat sepatah nan dua

Tangkal judi dengan sabung

Kemudian anak si laki-laki

Sampai ukur dengan jangkanya

Kalau ke laut belajar cincang dayung

Kalau ke darat belajar cincang pedang

Hukum Tentang Perkahwinan

Di dalam adat perpatih larangan utama ialah berkahwin sesuku. Larangan ini terjadi kerana mengikut kepercayaan keturunan hasil dari perkahwinan itu nanti akan cacat di samping itu bagi anak perempuan, mereka tidak akan diberi harta pusaka, pendek kata mereka akan diumpamakan sebagai orang terbuang. Seperti kata perbilangan adat,

Laksana buah beluluk

Tercampak ke laut tidak dimakan ikan

Tercampak ke darat tidak dimakan ayam

Sistem perkahwinan dalam adat perpatih adalah berbentuk kahwin semenda, kerana perkahwinannya dibenarkan diantara dua pasang lelaki dan perempuan yang berlainan suku dan berkediaman ditempat semenda.

Menurut masyarakat adat perpatih perkahwinan biasanya didahului oleh upacara-upacara yang disebut adat istiadat seperti pinang meminang dan pertunangan (Abdullah Sidik, 1975 : 135). Di dalam upacara meminang dan pertunangan tersebut diletakkan dalam kata-kata adat seperti,

Cincin sebertuk menanya ibu bapanya

Cincin dua bentuk oso sekata

Oso sekata, cincin dibalikkan

Ta' oso sekata, cincin dibalikkan

Oso sekata janji diikat

Dalam janji digaduhkan

Sampai janji ditepati

Elak si lelaki luncur tanda

Elak si perempuan ganda tanda

Sawan gila luar janji

Dari perbilangan yang disebutkan itu maka sepakatlah berlakunya pertunangan, iaitu suatu janji yang mengikat untuk berkahwin. Jika persetujuan ini diputuskan oleh satu pihak, maka ia akan menimbulkan akibat hukum, iaitu jika lelaki mungkir janji hilang tanda sebaliknya, jika perempuan mungkir mungkir tanda pertunangan itu akan diganda. Apabila hari yang telah dijanjikan tiba, upacara perkahwinan akan dilakukan. Upacara yang terpenting ialah nikah yang dilangsungkan mengikut hukum Syarak.

Hukum Tentang Penceraian

Hukum tentang penceraian pula adalah mengikut hukum Syarak di mana suami diperkenankan menceraikan isterinya dengan menjatuhkan talak.

Hukum Jenayah

Di dalam adat perpatih terdapat lapan jenis jenayah iaitu:

1. Tikam bunuh
2. Upas racun
3. Samun sakar
4. Siar bakar

5. Maling curi
6. Umbuak umbai
7. Sumbang salah
8. Dahaga dahagi

Di dalam kesalahan-kesalahan jenayah ini akan disiasat dengan begitu teliti sekali di samping bukti-bukti yang akan membantu menjelaskan lagi setiap kes. Apabila benar sesaorang itu didapati bersalah ia akan dihukum mengikut beratnya kesalahan itu. Terdapat tiga kategori hukuman yang akan dijatuhkan.

1. Gali urat iaitu hukuman yang paling berat. Tertuduh akan dihukum buang dari kampung untuk selama-lamanya.
2. Buang batang iaitu tertuduh dikehendaki menyembelih kerbau atau kambing dan membuat kenduri menjamu seisi kampung. Tertuduh akan meminta ampun dengan menyembahkan tapak sيره kepada hadirin yang datang.
3. Getis pucuk ini merupakan hukuman paling ringan iaitu dengan menyembah tanda minta ampun yang dilakukan secepat mungkin di antara kedua belah pihak (Nordin Selat, 1982 : 139).

Kesimpulan hukuman jenayah yang ditetapkan ini adalah hukuman yang ringan dan berdasarkan muafakat.

1.6 SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH

Sistem masyarakat adat perpatih adalah sistem yang mementingkan kerjasama, kesetiaan dan sistem kekeluargaan memainkan peranan penting di dalam menentukan perjalanan politik, ekonomi dan organisasi sosial yang lain.

Di dalam sistem politik kekeluargaan merupakan satu dari dua faktor yang menentukan pembahagian kepada unit-unit politik. Faktor yang kedua ialah kawasan. Unit politik yang terkecil ialah perut, tiap-tiap anggota perut mengaku dan percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama. Faktor kawasan yang mempunyai pengaruh kekeluargaan ini terbukti pada pemilihan ketua luak. Seperti undang mereka dilantik berasaskan kepada suku iaitu suku biduanda. Suku juga merupakan satu unit kekeluargaan. Anggota-anggotanya percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama tetapi sukar untuk digalurkan.

Melalui sistem ekonomi pula, tanah pada konsepnya adalah hak milik bersama antara perut dan suku tanah yang diwariskan adalah tanah pusaka. Tanah pusaka tidak boleh dijual beli tanpa kebenaran suku yang terlibat.

Tanah pusaka merupakan tanah tempat tinggal. Anggota keluarga yang berpindah ke kampung atau ke luak lain tidak lupa untuk balik menjenguk kampung halaman yang masih ditunggu oleh saudara-mara perempuan mereka di tanah pusaka tersebut. Oleh itu kekeluargaan amat penting di dalam sistem

adat perpatih. Kekeluargaan terdiri dari empat kategori mengikut sistem adat perpatih.

1.6.1 Keluarga Sedarah Nisab Ibu

Keluarga sedarah nisab ibu ini keturunannya dikira melalui nasab perempuan, iaitu ahli kepada perut, payung dan suku ibunya. Mereka menjadi anggota kumpulan ini sepanjang hayatnya. Payung ialah satu kumpulan keturunan yang bersatu di bawah seorang penghulu (Kato, 1989 : 35). Satu keturunan zuriat mempunyai harta yang dimiliki bersama termasuk tanah untuk bertani, harta pusaka dan gelaran adat. Perut juga ada ketuanya sendiri. Hak untuk menggunakan harta pusaka diberikan kepada perut. Tidak semua anggota perut tinggal di tanah pusaka. Terdapat anggota yang berpindah di tanah carian sendiri, tetapi di kampung asal dan di tanah pusaka mereka sentiasa ada kawan kerabat yang masih menunggu tanah pusaka tersebut.

Dalam lingkungan perut beberapa peraturan yang mesti dipatuhi. Keluarga lelaki yang tua dihormati dan dipatuhi cakupnya begitu juga keluarga perempuan yang tua, dihormati malah merupakan tempat bermanja dan mengadu hal. Sesuatu perut boleh dibahagikan kepada kumpulan yng lebih kecil lagi iaitu ruang dan rumpun tetapi tiada ukuran yang jelas tentang anggota-anggotanya.

Unit kekeluargaan yang terbesar dalam adat perpatih ialah suku. Sistem suku ini dibawa oleh orang Minangkabau

yang datang ke Negeri Sembilan. Mereka tinggal berkelompok-kelompok dan nama suku mereka diambil sempena nama negeri asal mereka di Minangkabau, seperti suku Paya Kumbuh, suku Tanah Datar, suku Batu Hampar dan suku Sri Lemak. Hubungan kekeluargaan mereka dianggap sebagai saudara mara jika mereka datang dari satu suku yang senama walaupun mereka datang dari tempat yang berlainan (Nordin Selat, 1982 : 40). Oleh kerana mereka dianggap sebagai saudara mara maka di dalam sistem kekeluargaan adat perpatih dilarang berkahwin sesama suku. Perbuatan ini dianggap hina dalam sistem adat perpatih.

Tiap-tiap luak ada suku warisnya iaitu suku yang boleh mencalonkan ketua luak iaitu Undang. Suku waris bagi memegang jawatan undang ialah suku Biduanda.

Seseorang anggota keluarga yang lahir dalam suku ibunya akan disebut Ego. Terdapat anggota-anggota perut dan suku yang dianggap sedarah kerana berasal dari moyang perempuan yang sama iaitu:

1. Emak ego, emak-emaknya yang mengikut perut perempuan.
2. Adik beradik sama ada lelaki ataupun perempuan kepada emak ego.
3. Adik beradik lelaki dan perempuan kepada Uwan, nenek dan moyang ego.
4. Adik beradik ego.
5. Saudara sepupu ego sebelah ibu.

6. Adik beradik tiri yang seibu tetapi berlainan bapa.

Ikatan ego dengan emak saudara dan bapa saudara sebelah ibunya amat kuat. Mereka saling menyayangi dan bantu membantu dari segi nasihat dan juga material (Nordin Selat, 1982 : 37).

1.6.2 Keluarga Kedim

Keluarga kedim bermaksud keluarga yang paling rapat. Ini termasuklah semua anggota suku. Keluarga kedim terdiri daripada dua jenis:

1. Kedim biasa
2. Kedim benar

Kedim biasa ialah persaudaraan berdasarkan sama suku dan hubungan kekeluargaan yang rapat tetapi kedim biasa ini tidak boleh mencampuri urusan-urusan peribadi saudara sekedimnya.

Kedim benar pula merupakan persaudaraan yang rapat yang berhak memberi kata putus dalam sesuatu hal. Ia merupakan anggota yang paling berkuasa dalam perut. Selain itu anggota lain boleh juga menjadi anggota kedim dengan cara masuk suku melalui upacara berkedim. Terdapat dua cara berkedim ini:

1. Kedim bertua
2. Kedim berdekati

Kedim bertua bermaksud seseorang itu hanya ingin menghampirkan dirinya sebagai saudara sahaja manakala kedim berdekatan itu lebih merupakan konsep keluarga atau anggapan terhadap seseorang yang rapat hubungan seperti dengan jiran. Apabila berlaku, kedim berdekatan ini maka jiran itu boleh dianggap sebagai saudara dan boleh dijadikan tempat mengadu susah senang dan sakit pening mereka. Dalam konsep berkedim ini terdapat beberapa tujuan bagi masyarakat adat perpatih antaranya ialah:

1. Oleh kerana tiada anak perempuan, sebuah keluarga itu akan mencari anak perempuan melalui keluarga kedim. Anak perempuan adalah penting dalam sistem kekeluargaan adat perpatih kerana anak perempuan berfungsi sebagai "Pengembang Suku".
2. Menerima orang luar atau orang dagang menjadi saudara mereka. Mengikut adat perpatih orang dagang tiada status apabila di rantau orang. Mereka dianggap sebagai dagang hanyut. Oleh itu sebuah keluarga akan menerima orang dagang itu sebagai saudara mereka dengan cara masuk suku untuk dijadikan keluarga kedim (Nordin Selat, 1982 : 43).

Bagi keluarga yang berkedim ini sistem panggilannya sama seperti saudara sedarah nisab ibu tetapi rasa persaudaraannya agak kurang mendalam, sebab walaupun adik

beradik tetapi tidak ada pertalian darah.

1.6.3 Keluarga Sedarah Sebelah Bapa

Keluarga sedarah sebelah bapa merupakan keluarga dari perut dan suku bapanya. Bapa merupakan keluarga yang rapat sekali kepada ego. Hubungan darah antara ego dan bapanya diakui walaupun berlainan suku dan perut.

Tanggungjawab bapa adalah terbatas di mana bapa hanya berkuasa di dalam lingkungan rumahtangganya sahaja. Tanggungjawabnya dalam hal atau masalah perut dan suku adalah tidak penting. Malah kuasa penting terletak ditangan abang dan adik lelaki emak ego (isterinya) misalnya dalam majlis perkahwinan kuasa penting terletak pada keluarga sebelah ibunya. Bapa hanya berperanan sebagai wali dan kebenarannya perlu sebelum sesuatu perkahwinan itu disahkan (Nordin Selat, 1982 : 44).

Jika bapa meninggal, keluarga itu akan dijaga oleh bapa saudara sebelah ibunya (isteri). Soal anak tidak terjaga dan anak yatim tidak ujud dalam masyarakat adat perpatih.

1.6.4 Keluarga Semenda

Keluarga semenda ialah keluarga melalui perkahwinan. Hubungan yang terjalin boleh dilihat dari dua peringkat:

1. Peringkat diri

2. Peringkat suku

Peringkat diri ialah antara sesaorang itu dengan saudara tertentu suami atau isterinya. Peringkat suku melibatkan kedudukan seorang semenda di dalam suku isterinya dan hubungan dengan orang tempat semenda.

Pada peringkat diri, semenda mengenal bapa isterinya sebagai bapa mertua dan emak sebagai emak mertua dan adik beradik isterinya sebagai ipar. Semenda pula dikenali sebagai menantu. Oleh kerana kepentingan perkahwinan lebih cenderung ke arah kerabat pihak perempuan, posisi semenda lebih tinggi pada pandangan pihak perempuan. Oleh kerana itu layanan terhadapnya bagai "Menatang minyak yang penuh". Ini membawa erti bahawa orang semenda harus dijaga perasaannya agar tidak tersinggung seperti orang membawa minyak di dalam talam, jika tergoyang sedikit minyak akan tumpah. Ibarat menjaga hati seorang tetamu yang sangat dimuliakan. Oleh itu orang semenda dipandang sebagai tamu tetapi bukan sebagai anggota kerabat dengan sebab itulah dia tidak diberikan tanggungjawab yang berat (A.A. Navis, 1984 : 140). Orang semenda mempunyai beberapa kewajipan terhadap orang tempat semenda ini termasuk menyara isteri dan anak-anak di samping menjaga tanah pusaka isterinya dengan baik. Menjadi orang semenda perlulah memberikan pertolongan kepada orang tempat semenda mengikut kebolehan yang ada. Ini terdapat di dalam perbilangan adat seperti:

Jika cerdik teman berunding
Jika bingung disuruh arah
Yang buta disuruh menghembus lesung
Yang patah disuruh menunggu jemuran
Yang pekak disuruh mencucuh meriam
Yang berani dibut kepala lawan
Kalau kaya hendakkan emasnya
Kalau alim hendakkan doanya.

Di dalam kehidupan sehari-harian terdapat empat jenis penilaian terhadap semenda iaitu:

1. **Semenda bapak paja (Semenda bapak budak)**
 Semenda jenis ini merupakan semenda yang hanya menambahkan bilangan anak tetapi tidak menghiraukan kehidupan dan keadaan isterinya.
2. **Semenda kacang miang atau langau hijau**
 Semenda jenis ini merupakan semenda yang tingkah lakunya membuat onar dan memecahkan keluarga isterinya.
3. **Semenda tikar buruk**
 Semenda jenis ini merupakan semenda yang tingkhlakunya hanya mengikis harta benda isterinya.
4. **Semenda nenek mamak**
 Semenda jenis yang keempat ini merupakan semenda yang menjadi idaman setiap tempat

semenda. Semenda nenek mamak merupakan semenda yang berguna dan bertanggungjawab di dalam suka duka kehidupan rumahtangga isterinya (A.A. Navis, 1982 : 141).

Meskipun semenda ini sangat dipelihara hatinya agar tetap bersama isterinya tetapi bagi semenda yang tingkahlakunya tidak disukai ada berbagai cara untuk menyatakan ketidakpuasan hati orang tempat semenda. Mereka mulai dengan sindiran halus, kemudian jika tidak faham dilakukan sindiran kasar dan seterusnya akan bersemuka dengan semenda tersebut.

Kesimpulannya, sistem adat perpatih ini merupakan sisten kekeluargaan. Penglibatan kaum kerabat dan saudara mara merentas segala aktiviti hidup mereka. Mereka yang menentang adat dikatakan menentang keluarga dan mereka yang menentang keluarga dikatakan menentang adat.

GLOSARI

Abih	-	Habis
Bakarelahan	-	Berkerelaan
Baagieh	-	diberi
Bacarai	-	Bercerai
Barek	-	Berat
Bagantung	-	Bergantung
Balindung	-	Berlindung
Basanda	-	Bersenda
Baselo	-	Bersela
Indak	-	Tidak
Koto	-	Sekumpulan rumah tempat tinggal bersama yang mempunyai peraturan kesetiaan daerah itu
Korong	-	Kampung
Kamangulang	-	Berulang
Memagang	-	Memegang
Nagari	-	Negeri
Pasa	-	Pasar
Sajinjiang	-	Sejinjing
Sapariuk	-	Seperut
Sapikua	-	Sepikul
Sapuah	-	Sepuh
Sumando	-	Suami dari kakak/adik
Taratak	-	Desa yang jauh terpencil
Urek	-	Akar

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman bin Hj Mohd. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. K. Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1987. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. K.L.: Utusan Printcorp SDN. BHD.
- _____. 1968. Negeri Sembilan Sejarahnya. K.L.: Utusan Melayu Berhad.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. K.L.: Universiti Malaya.
- Amir M.S, 1987. Tonggak Tuo Budayo Minang. Jakarta: Penerbitan Karya Indah.
- Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh. 1954. Hukum Adat Dan Adat Minangkabau. Djakarta: Poesaka Asli.
- H. Idrus Hakimy Dt Raja Penghulu. 1986. 1000 Pepatah-Pepatih, Manang-Bidal, Gurindam. Bandung: Penerbitan Remadya.
- Kato, Tsuyoshi. 1982 asal. 1984. Nasab Ibu Dan Merantau Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia. (Terjemahan Azizah Kassim). Cetakan Semula 1989. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahlan Mansor. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bharata.
- M. Nasron. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Mokhtar Md Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. K. Lumpur: Federal Publications SDN. BHD.
- Mochtar Naim. 1979. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Marsden, W. 1966. The History of Sumatera. J.M. Greeny London. Cetakan Semuala 1966. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- M. Rasjid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1982. Sejarah Ringkas Minangkabau Dan Adatnya. Jakatra: Penerbitan Mutiara.
- _____. 1971. Minangkabau. Padang: Penerbitan Sridharama.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. K.L.: Utusan Publications and Distributors SDN. BHD.
- _____. 1978. Renungan. K. Lumpur: Utusan Publication & Distributors SDN. BHD.
- Shahba. 1951. Pusaka Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- _____. 1956. Pahlawan Dol Said Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- Wilkinson R.S. 1911. Notes on Negeri Sembilan. Terbit Semula. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zakiah Hanum. 1988. Asal Usul Nama Negeri-Negeri Di Malavsia. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teromba Sungai Ujong, Tiada Tarikh.
- SEMINAR**
- Khoo Kay Kim. 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan." Seminar Persejarahahan dan Adat Perpatih.
- Md. Sharif Fakeh Hasan. 1974. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih. Seremban: Seminar Persejarahahan dan Adat Perpatih.

Nordin Selat. 1974. *Pemimpin Dalam Adat Perpatih*. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

Norhalim Hj Ismail. 1989. *The Negeri Sembilan Adat Through Time With Special Reference To Rembau*.
University of Kyoto, Jepun: Kertas Kerja Malay Seminar.

Shamsul Amri. 1974. *Politik Adat Perpatih*. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

JOURNAL

Gullick S.M. 1949. "Sungai Ujong." Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic, Vol. XXII, Pt. 11.

Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History Polity and Belief of The Nine States." JMBRAS, 12(3).

_____. 1954. A Digest of Customary Law From Sungai Ujong. JMBRAS, Vol. XXVII, Pt. 3.

MAJALAH

Salamiah Ismail. 1983. "Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang, Bak Sawah Berlopak-lopak." Dewan Budaya. Mac 1983.

AKHBAR

Bustamam Ahmad. "Sejarah Pesaka dan Warisan." Berita Harian. 12hb. Feb. 1987. Hal. 14.

_____. "Kumpulan Perut Kesal Tindakan Perut Hilir." Berita Harian. 13hb. Dis. 1986. Hal. 12-13.

_____. "Keputusan Dewan Keadilan Mungkin Tidak Berganjak." Berita Harian. 11hb. Mac 1988. Hal. 11.

_____. "Tujuan Halang Percubaan Perlantikan." Berita Harian. 17hb. Sept. 1987. Hal. 13.

KAMUS

Marah Rusmali dan Rakan-rakan. 1985. Kamus Minangkabau-Indonesia. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

TEMUBUAL

Nama : Encik Razali Khalid
 Umur : 58 tahun
 Pekerjaan : Pesara Ahli Bomba
 Jawatan Dalam :
 Adat : Datuk Johan
 Alamat : Kampung Pelegong, Batu 8, Jalan Labu,
 Seremban, Negeri Sembilan.
 Tarikh Temubual: 24hb. Nov. 1991.

Nama : Tuan Hj. Muhamad Tainu
 Umur : 56 tahun
 Pekerjaan : Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Negeri Sembilan
 Alamat : Pejabat Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh Temubual: 20hb. Feb. 1992.